| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (*a*) | (i) | Nyatakan **dua** bentuk perbuatan mempersendakan agama.<br><br>P1-Berasa bangga mempersendakan nama-nama Allah SWT.<br>P2-Mengejek dan menghina sunnah Rasulullah SAW.<br>P3-Menghina golongan ulama'.<br>P4-Mentafsir Al-Quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata.<br>P5-Menyanjung perbuatan maksiat.<br>P6-Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | Jelaskan **dua** cara menjaga kesucian agama Islam.<br><br>P1-Memperkasakan program keilmuan dan bimbingan pada segenap masyarakat.<br>P2-Mengamalkan tuntutan amar makruf nahi munkar dalam kehidupan.<br>P3-Meninggalkan perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian Islam.<br>P4-Mengenakan hukuman dan denda kepada pesalah.<br><br>(Catatan: Mana-mana jawapan munasabah diterima) | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (iii) | Rubrik Penskoran:<br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br><br>Stimulus:<br>Seorang remaja memuat naik video yang mempersendakan amalan agama Islam di media sosial.<br><br>Terangkan kesan perbuatan tersebut terhadap masyarakat.<br><br>Cadangan jawapan:<br>Dipandang hina oleh masyarakat (I/1m). Hal ini kerana perbuatan tersebut mencemarkan kesucian Islam di mata penganut agama lain (H/1m).<br><br>Cadangan isi:<br>- Masyarakat hidup tidak tenang (I/1m). Hal ini kerana terganggu dengan video yang memalukan (H/1m).<br>- Masyarakat hidup dalam keadaan saling menuduh (I/1m). Hal ini kerana mempersoalkan punca kesilapan tersebut berlaku (H/1m). | 2m |

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

- Masyarakat tidak lagi prihatin terhadap satu sama lain (I/1m). Hal ini kerana beranggapan masalah tersebut tidak akan selesai (H/1m).

(iv) Rubrik Penskoran: — 4m

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja. | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Huraikan langkah yang boleh diambil untuk menangani masalah tersebut.

Cadangan jawapan:
Memperbanyakkan program keilmuan (I/1m). Hal ini kerana masyarakat dapat memahami perbuatan dan kesalahan mempersendakan agama (H/1m). Kesannya, perbuatan mempersendakan agama dapat dicegah (HL/1m). Kesimpulannya, kita hendaklah peka dengan perbuatan mempersendakan agama agar kesucian agama Islam terjamin (K/1m).

Cadangan isi:
- Memperkasakan undang-undang berkaitan kegiatan mempersendakan agama.
- Institusi agama memainkan peranan penting dengan memantau aktiviti di media sosial secara kerap.
- Memperluaskan kempen kesedaran dengan melaungkan slogan anti cemar agama.
- Ibu bapa memainkan peranan dalam mendidik anak-anak dengan pengetahuan agama yang kukuh.

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (*b*) | (i) | Apakah maksud naungan Allah SWT?<br><br>Mendapat perlindungan daripada kepanasan cahaya matahari di Padang Mahsyar. | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | Senaraikan **dua** golongan yang mendapat naungan Allah SWT selain daripada pemuda yang taat beribadah kepada Allah SWT.<br><br>- Pemimpin yang adil.<br>- Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.<br>- Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.<br>- Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.<br>- Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya.<br>- Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (iii) | Rubrik Penskoran: (see table below)<br><br><br><br>Kemukakan pandangan anda tentang perbuatan tersebut. | 4m |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja. | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Cadangan jawapan:<br>Perbuatan tersebut boleh menjejaskan pelajaran dan perkembangan sahsiah murid (I/1m). Hal ini kerana penggunaan gajet secara berlebihan menyebabkan murid mengabaikan pelajaran dan disiplin diri (H/1m). Kesannya, pencapaian akademik mereka merosot (HL/1m). Kesimpulannya, kita hendaklah menjadikan gajet sebagai alat pembelajaran bermanfaat, bukannya hiburan yang melalaikan (K/1m).<br><br>Cadangan isi:<br>- Merosakkan hubungan kekeluargaan dan sosial.<br>- Membazir masa dengan perkara tidak bermanfaat.<br>- Lalai daripada ibadah dan majlis ilmu.<br>- Terdedah kepada bahan tidak bermoral dan pengaruh budaya negatif. | |
| | | (*c*) | Tentukan jenis *mad lazim* bagi potongan kalimah berikut.<br><br>- Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf.<br>- Mad Lazim Harfi Mukhaffaf. | 2 isi x 1m<br>= 2m |

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Apakah maksud nama Allah SWT al-Muntaqim?<br><br>Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas (1m) dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas (1m).</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Jelaskan dua kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Muntaqim.<br><br>P1-Allah SWT memberikan pembalasan dengan seksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran.<br>P2-Allah SWT memberikan pembalasan dengan menimpakan azab dalam peristiwa al-Dukhan iaitu kaum Quraisy ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka kerana mereka menolak dakwah Rasulullah SAW.<br>P3-Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agama-Nya setelah diutuskan rasul dan diberi keterangan yang jelas.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik Penskoran:<br>
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
</table>


<br>Perbuatan di atas bertentangan dengan konsep nama Allah SWT al-muntaqim.<br>Mengapakah perkara ini masih berlaku dalam masyarakat.<br><br>Cadangan jawapan:<br>Masyarakat kurang menghayati sifat Allah al-Muntaqim sehingga hilang rasa takut untuk melakukan kezaliman (I/1m). Hal ini kerana menyangka bahawa mereka boleh terlepas daripada pembalasan Allah SWT (H/1m).</td><td>2m</td></tr>
</table>

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

Cadangan isi:
- Kebanjiran kandungan pornografi yang mudah diakses melalui peranti digital telah merosakkan fitrah dan akal manusia (I/1m). Hal ini kerana perkara tersebut boleh mendorong mereka melakukan perbuatan keji yang mengundang kemurkaan Allah Al-Muntaqim (H/1m).
- Penguatkuasaan undang-undang yang kurang tegas atau tidak konsisten (I/1m). Hal ini kerana kecuaian pihak berkuasa menyebabkan pelaku maksiat berasa berani untuk terus melakukan kesalahan.
- Iman yang lemah (I/1m). Hal ini kerana kurang penghayatan agama menyebabkan mereka mudah terpengaruh ke dalam lembah maksiat (H/1m).

(iv) Rubrik Penskoran: — 4m

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja. | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Huraikan bagaimana keimanan kepada sifat *al-muntaqim* dapat membanteras isu tersebut.

Cadangan jawapan:
Keyakinan terhadap sifat Allah *al-Muntaqim* menjadikan seseorang takut melakukan larangan Allah SWT (I/1m). Hal ini kerana mereka yakin bahawa Allah Maha Pembalas dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas (H/1m). Kesannya, mereka akan berwaspada dalam setiap tindakan sebelum melakukan sesuatu perkara (HL/1m). Kesimpulannya, kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT akan membalas segala perbuatan keji supaya kita menjadi seorang muslim yang bertakwa (K/1m).

Cadangan isi:
- Pihak berkuasa akan menjalankan amanah penguatkuasaan dengan lebih jujur dan telus.
- Masyarakat akan lebih berani melaporkan sebarang salah laku demi mengelakkan kemurkaan Allah SWT.
- Seseorang akan menggunakan teknologi dan media sosial dengan cara yang lebih beretika dan bermanfaat.

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td rowspan="3">2</td><td rowspan="3">(b)</td><td>(i)</td><td>Jelaskan dua prinsip utama aliran Khawarij.<br><br>P1-Jawatan khalifah atau imam hendaklah diserahkan pemilihannya kepada rakyat untuk memilih sesiapa sahaja daripada kaum muslimin yang layak.<br>P2-Mereka menyatakan bahawa Saidina Ali r.a. melakukan dosa besar serta kufur kerana bersetuju mengadakan Majlis Tahkim.<br>P3-Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil.<br>P4-Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Jelaskan perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan Khawarij berkaitan isu pelaku dosa besar.<br><br><table><tr><th>Isu</th><th>Ahli Sunnah Wal Jamaah</th><th>Khawarij</th></tr><tr><td>Pelaku dosa besar</td><td>Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat.</td><td>Pelaku dosa besar dianggap kafir.</td></tr></table></td><td>1 isi x 2m<br>= 2m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Rubrik Penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr></table><br><br><br><br>Apakah implikasi sekiranya aliran pemikiran di atas tidak dibendung oleh pihak berkuasa?<br><br>Cadangan jawapan:<br>Meruntuhkan semangat persaudaraan (I/1m). Hal ini kerana berlaku perpecahan yang serius dalam masyarakat Islam.</td><td>2m</td></tr>
</table>

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Cadangan isi:<br>- Menggugat keamanan negara (I/1m). Hal ini kerana tindakan ganas terhadap pemerintah yang sah (H/1m).<br>- Agama Islam dipandang negatif oleh masyarakat dunia (I/1m). Hal ini kerana Islam disalahertikan sebagai agama yang menggalakkan keganasan (H/1m).<br>- Generasi muda membesar dengan fahaman agama yang ekstrem (I/1m). Hal ini kerana mereka didedahkan dengan tafsiran ayat al-Quran dan hadis tanpa merujuk kepada konteks syariah yang sebenar (H/1m). | |
| | | (iv) | Rubrik Penskoran: | 4m |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja. | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Cadangkan langkah untuk membendung pemikiran di atas daripada berleluasa.

Cadangan jawapan:
Pihak kerajaan perlu memantapkan modul akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) melalui sistem pendidikan (I/1m). Hal ini kerana murid dapat didedahkan dengan prinsip Islam yang sebenar (H/1m). Kesannya, mereka tidak akan mudah terpengaruh dengan dakyah ekstremis yang boleh mencetuskan suasana yang huru-hara (HL/1m). Kesimpulannya, Kita hendaklah mengukuhkan ilmu akidah Islam agar dapat menjadi benteng paling ampuh daripada ancaman pemikiran Khawarij (K/1m).

Cadangan isi:
- Media massa hendaklah menyaring dan memantau perkongsian yang berunsur radikal di platform digital.
- Ibu bapa mestilah memantau aktiviti dan pergaulan anak-anak di dunia nyata mahupun di alam maya.
- Pihak pengurusan masjid perlu memperbanyakkan program dakwah tentang persaudaraan Islam.
- Pihak berkuasa agama negeri perlu mengeluarkan fatwa atau garis panduan yang jelas mengenai bahaya ideologi Khawarij moden.

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Nyatakan maksud solat sunat Gerhana.<br><br>Solat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan (1m) dengan cara-cara yang tertentu (1m).</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Senaraikan dua amalan yang digalakkan selain solat sunat Gerhana semasa berlakunya gerhana.<br><br>P1-Memperbanyakkan istighfar.<br>P2-Berdoa.<br>P3-Bertakbir.<br>P4-Bersedekah.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Rubrik Penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
</table>


<br>Tentukan hukum bagi penggunaan alat di atas dalam proses penyembelihan dari sudut Islam. Jelaskan alasan anda.<br><br>Cadangan isi:<br>Hukum (1m): Harus<br>Alasan (1m):<br>- Dapat mengurangkan rasa sakit haiwan sembelihan.<br>- Mempercepatkan proses sembelihan.<br>- Sembelihan dapat dilakukan dalam skala yang besar.<br>- Memudahkan proses penyembelihan.</td><td>2m</td></tr>
</table>

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Rubrik Penskoran: | 4m |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja. | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Huraikan kelebihan teknik tersebut dalam proses penyembelihan.

Cadangan jawapan:
Teknik tersebut dapat membantu menenangkan haiwan sebelum disembelih tanpa mematikannya. Hal ini kerana arus elektrik yang digunakan secara terkawal mampu melemahkan haiwan sementara supaya tidak agresif. Kesannya, proses sembelihan dapat dilaksanakan secara teratur, cepat dan selamat tanpa menyeksa haiwan secara berlebihan. Kesimpulannya, kita hendaklah mematuhi syarat sah penyembelihan agar haiwan yang disembelih halal dimakan.

Cadangan isi:
- Mengurangkan penderitaan haiwan daripada tekanan atau penyeksaan.
- Meningkatkan keselamatan pekerja yang mungkin cedera jika haiwan menggelupur dengan kuat.
- Membolehkan penyembelihan berskala besar dalam tempoh singkat.

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>3</td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Apakah maksud talak?<br><br>Pembubaran perkahwinan oleh suami (1m) dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan (1m).</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Tentukan hukum bagi situasi berikut.<br>(a) Encik Kamal menceraikan isterinya yang berkelakuan baik tanpa sebab.<br>Hukum: Maruh<br><br>(b) Puan Kamila diceraikan oleh suaminya kerana berakhlak buruk.<br>Hukum: Sunat</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik Penskoran:

<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
</table>




Mengapakah situasi di atas berlaku?<br><br>Cadangan jawapan:<br>Suami isteri tidak melaksanakan tanggungjawab sewajarnya (I/1m). Hal ini kerana sibuk mencari rezeki sehingga menyebabkan hilang kesefahaman (H/1m).<br><br>Cadangan isi:<br>- Hilang kepercayaan dalam perkahwinan (I/1m). Hal ini kerana berkahwin hanya mengikut trend semasa (H/1m).<br>- Penderaan fizikal atau emosi terhadap pasangan (I/1m). Hal ini kerana hilang perasaan sayang (H/1m).<br>- Ahli keluarga tidak menjaga tuntutan agama (I/1m). Hal ini kerana kurang penghayatan agama menyebabkan hilang keberkatan rumah tangga (H/1m).</td><td>2m</td></tr>
</table>

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | Rubrik Penskoran:<br><br>**Kriteria** \| **Skor**<br>Menyatakan hujah sahaja. \| 1m<br>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas. \| 2m<br>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. \| 3m<br>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. \| 4m<br><br>Berdasarkan data di atas, huraikan kesan terhadap institusi kekeluargaan di Malaysia.<br><br>Cadangan jawapan:<br>Situasi ini menyebabkan pasangan suami isteri tidak melaksanakan tanggungjawab sebagai suami isteri dengan sempurna (I/1m). Hal ini kerana kurangnya penghayatan terhadap tuntutan agama dalam perkahwinan (H/1m). Kesannya, institusi keluarga yang boleh menjadi tauladan tidak mampu direalisasikan (HL/1m). Kesimpulannya, kita hendaklah berusaha menjadikan keluarga sebagai institusi yang boleh membangunkan ummah agar hidup kita diberkati Allah SWT (K/1m).<br><br>Cadangan isi:<br>P1-Tekanan emosi seperti sedih, marah dan keliru.<br>P2-Hubungan kekeluargaan renggang kerana kurang suasana harmoni dalam keluarga.<br>P3-Mudah terpengaruh dengan rakan sebaya.<br>P4-Kurang contoh teladan daripada kedua ibu bapa. | 4m |

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Imam al-Syafie merupakan pengasas Mazhab Syafie.<br>Nyatakan riwayat hidup tokoh secara ringkas.<br><br>P1-Nama penuh: Muhammad bin Idris al-Syafie<br>P2-Tarikh lahir: 150 Hijrah<br>P3-Tempat lahir: Ghazzah<br>P4-Tarikh wafat: 204 Hijrah<br>P5-Kuniyah: Abu Abdullah<br>P6-Antara guru tersohor: Imam Malik bin Anas/ Sufian bin Unainah/ Muslim Khalid al-Zanji</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Jelaskan dua sumbangan tokoh dalam tamadun Islam.<br><br>P1-Menghasilkan kitab al-Risalah/ al-Umm/ al-Musnad<br>P2-Mengasaskan mazhab berasaskan ijma'/ qias/ istidlal<br>P3-Murid yang terkenal: Ahmad bin Hanbal/ Abu Ya'akob Yusuf bin Yahya al-Buwaiti/ Abu Ibrahim Ismail bin Yahya al-Muzni (Catatan: mana-mana satu nama murid yang betul)<br>P4-Mazhab Syafi'ie tersebar di Mesir/ Iraq/ Parsi/ Syiria/ Malaysia/ China/ Indonesia/ Brunei/ Pakistan/ India (Catatan: mana-mana dua negara yang betul)</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik Penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr></table><br>Stimulus:<br>Pada masa kini, terdapat sebahagian murid yang kurang berminat menuntut ilmu dan tidak menjadikan tokoh ilmuwan Islam sebagai contoh dalam kehidupan.<br><br>Sebagai seorang murid, bagaimana anda dapat mencontohi tokoh untuk membangunkan ummah?<br><br>Cadangan jawapan:<br>Sentiasa bersungguh-sungguh untuk menimba ilmu (I/1m). Hal ini kerana saya dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dalam segala hal (H/1m). Kesannya, saya boleh menggunakan ilmu yang dipelajari untuk membantu masyarakat (HL/1m). Kesimpulannya, kita hendaklah mencontohi kesungguhan tokoh menuntut ilmu agar dapat membentuk pembangunan umah yang cemerlang (K/1m).</td><td>2m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Cadangan isi:<br>- Mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu (1m). Hal ini kerana penguasaan ilmu dapat menyumbang kepada pembangunan ummah yang cemerlang (1m).<br>- Istiqamah menuntut ilmu (1m). Hal ini kerana ilmu dapat membentuk ummah yang berdaya saing (1m).<br>- Mengamalkan sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian (1m). Hal ini kerana dapat menjadi ummah yang memiliki akhlak mulia (1m). | |
| | | (iv) | Rubrik Penskoran: | 4m |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja. | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Ramalkan keadaan negara sekiranya situasi ini berterusan.

Cadangan jawapan:
Negara akan mundur (I/1m). Hal ini kerana rakyat tiada ilmu pengetahuan akibat mengabaikan tuntutan menuntut ilmu (H/1m). Kesannya, pengurusan negara menjadi kucar-kacir menyebabkan pembangunan ekonomi musnah (HL/1m). Kesimpulannya, kita hendaklah menekankan pembangunan ilmu pengetahuan agar negara dapat membangun dengan lebih maju (K/1m).

Cadangan isi:
- Pembangunan negara tidak berjalan lancar.
- Perpaduan kaum tidak dapat diperkukuhkan.
- Negara tidak dihormati di peringkat antarabangsa.

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>4</td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Berdasarkan maklumat di atas, siapakah pemerintah tersebut?<br><br>Uthman bin Ertughrul.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Apakah jawatan yang disandang oleh beliau?<br><br>Pemerintah pertama Kerajaan Uthmaniyah</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Jelaskan dua sumbangan beliau selain daripada mengasaskan Kerajaan Uthmaniyah.<br><br>P1-Menyatukan wilayah Anatolia Selatan ditinggalkan oleh Byzantine.<br>P2-Mengisytiharkan kemerdekaan Anatolia daripada Kerajaan Saljuk.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Rubrik Penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr></table><br>Sebagai seorang murid, bagaimana anda dapat mencontohi kehebatan pemerintah tersebut?<br><br>Cadangan jawapan:<br>Saya akan bersikap adil dan prihatin dengan membantu rakan-rakan di sekolah tanpa mengira agama, bangsa dan negara (I/1m). Hal ini kerana dapat meringankan beban dan kesusahan mereka yang memerlukan (H/1m).<br><br>Cadangan isi:<br>- Menerokai pelbagai cabang ilmu.<br>- Menyemai semangat cintakan agama dan negara.<br>- Rela berkorban untuk negara.<br>- Sentiasa berfikiran kreatif dan inovatif.<br>- Mempunyai visi dan matlamat yang jelas.<br>- Sifat berani dan tabah dalam menghadapi cabaran.</td><td>2m</td></tr>
</table>

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (v) | Rubrik Penskoran:<br><br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan hujah sahaja. — 1m<br>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>Huraikan bagaimana sumbangan beliau dapat memberi inspirasi kepada generasi muda dalam memberi sumbangan kepada negara.<br><br>Cadangan jawapan:<br>Rajin menuntut ilmu dalam pelbagai bidang (I/1m). Hal ini agar dapat menjadi pembuat keputusan yang bijak demi masa depan negara (H/1m). Kesannya, negara akan memiliki rakyat yang berkepakaran tinggi seterusnya menyumbang kepada kemajuan negara (HL/1m). Oleh itu, kita hendaklah mengutamakan ilmu pengetahuan agar menjadi umat yang maju dan dipandang tinggi (K/1m).<br><br>Cadangan isi:<br>- Belajar bersungguh-sungguh agar menjadi pakar dalam pelbagai bidang.<br>- Memberi sokongan kepada semua usaha baik yang dilakukan oleh kerajaan.<br>- Melengkapkan diri dengan ilmu kepimpinan.<br>- Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti yang dianjurkan oleh kerajaan. | 4m |

Rubrik table (within the cell above):

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja. | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Nyatakan maksud bersikap benar.<br><br>Tidak berdusta (1m) dari segi perkataan, perkhabaran dan perbuatan (1m).</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Jelaskan contoh bersikap benar yang diamalkan oleh Rasulullah SAW.<br><br>P1-Rasulullah SAW menyampaikan wahyu Allah SWT kepada umat manusia dengan bersifat benar dan tidak menokok tambah ayat yang disampaikan.<br>P2-Rasulullah SAW sentiasa bersikap benar walaupun ketika sedang bergurau.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik Penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
</table>




Berdasarkan keratan akhbar di atas, bagaimana amalan bersikap benar dapat membendung isu tersebut.<br><br>Amanah dan jujur dalam melaksanakan tanggungjawab (I/1m). Hal ini kerana sikap tersebut dapat memastikan tugas dilaksanakan mengikut peraturan, prosedur dan tanggungjawab tanpa penyelewengan (H/1m).<br><br>Cadangan isi:<br>- Melakukan tugas tanpa mengharapkan balasan (I/1m). Hal ini kerana dapat mengelakkan sifat tidak ikhlas seperti pujian, ganjaran atau penghargaan daripada orang lain (H/1m).<br>- Melakukan tugasan mengikut cara dan etika kerja (1m). Hal ini kerana dapat mengelakkan salah guna kuasa, rasuah dan kecuaian dalam pekerjaan (H/1m).</td><td>2m</td></tr>
</table>

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | - Tidak memalsukan maklumat atau laporan kerja (I/1m). Hal ini kerana pemalsuan boleh menyebabkan kerugian sehingga menjejaskan imej organisasi (H/1m). | |
| | | (iv) | Rubrik Penskoran: | 4m |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja. | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku jika sikap tersebut tidak dibendung dalam kalangan masyarakat.

Sikap tersebut akan menjadi budaya dan merebak sebagai perkara biasa (I/1m). Hal ini menyebabkan budaya kerja menjadi semakin merosot kerana sifat kurang berdisiplin tersebut (H/1m). Kesannya, ekonomi dan pembangunan negara akan terbantut (HL/1m). Kesimpulannya, kita hendaklah menjalankan tugas dengan penuh integriti dan amanah agar dapat mengelakkan berlakunya keruntuhan tamadun dalam negara (K/1m).

Cadangan isi:
- Kualiti kerja akan merosot.
- Hubungan antara masyarakat akan terjejas.
- Melahirkan masyarakat yang malas dan pasif.

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>5</td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Nyatakan maksud tawaduk.<br><br>Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT (1m) dan sesama manusia (1m).</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Jelaskan contoh sifat tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dalam aspek pergaulan.<br><br>P1- Rasulullah menunjukkan sifat tawaduk ketika bergaul, terutamanya dengan kanak-kanak (I/1m). Walaupun mempunyai kedudukan yang mulia, baginda tidak sombong dengan kedudukannya. Sebaliknya baginda menghormati dan menyayangi kanak-kanak (H/1m).<br>P2- Rasulullah menunjukkan sifat tawaduk ketika bergaul, terutamanya dengan kanak-kanak (I/1m). Baginda sentiasa bersikap lemah lembut dan menunjukkan kasih terhadap mereka dengan selalu menyantuni mereka seperti mendahulukan ucapan salam (H/1m).</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik Penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr></table><br>Stimulus:<br>Sifat tawaduk merupakan salah satu daripada sifat mahmudah.<br><br>Jelaskan mengapa sifat tersebut penting bagi seorang muslim.<br><br>Cadangan jawapan:<br>- Mewujudkan hubungan baik sesama manusia (I/1m). Hal ini kerana dapat menjadikan seseorang mudah bergaul dan disenangi orang lain (H/1m).<br><br>Cadangan isi:<br>- Mendekatkan diri kepada Allah SWT (I/1m). Hal ini kerana dapat membentuk seseorang yang sentiasa merendah diri di hadapan Allah SWT (H/1m).<br>- Menjauhkan diri daripada sifat mazmumah (I/1m). Hal ini kerana dapat menghindarkan sifat negatif seperti riak, ujub dan takbur (I/1m).<br>- Meraih ganjaran dan kemulian di sisi Allah SWT (I/1m). Hal ini kerana Allah SWT mencintai hamba-Nya yang sentiasa merendah diri dan tidak bersifat angkuh (H/1m).</td><td>2m</td></tr>
</table>

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | Rubrik Penskoran:<br><br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan hujah sahaja. — 1m<br>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>Huraikan pandangan anda untuk menyokong pernyataan di atas.<br><br>Cadangan jawapan:<br>*Tawaduk* melahirkan akhlak yang mulia (I/1m). Hal ini kerana individu yang *tawaduk* akan berperilaku baik terhadap orang lain (H/1m). Kesannya, mereka akan sentiasa menghormati semua lapisan masyarakat tanpa mengira kedudukan (HL/1m). Kesimpulannya, kita hendaklah mengamalkan sikap merendah diri dalam kehidupan agar terhindar dari segala kelakuan yang buruk dan dibenci masyarakat (K/1m).<br><br>Cadangan isi:<br>- *Tawaduk* mengelakkan perpecahan dalam masyarakat.<br>- *Tawaduk* sebagai tanda keimanan yang tinggi.<br>- *Tawaduk* mendorong peningkatan diri. | 4m |

Rubrik Penskoran:

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja. | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

 © 2026 Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 